

Ganti skrin komputer riba

BAGAIMANA untuk menggantikan skrin komputer riba yang patah?
-Abdullah, Pontian.

Kos bagi menggantikan sesebuah skrin komputer agak mahal dan memerlukan masa pembaikan yang lama. Jadi, sekiranya berupaya menggantikannya dapat menjimatkan masa dan wang. Seterusnya, dibincangkan secara ringkas kaedah umum untuk menggantikan skrin komputer riba yang rosak.

- Pemeriksaan yang teliti dibuat bagi memastikan keperluan untuk menggantikan skrin komputer dan pastikan papan utama dan kad grafiknya berfungsi dengan baik.
- Dapatkan maklumat terperinci berkenaan dengan spesifikasi dan model komputer riba berserta skrinnya yang digunakan.

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

- Membuat pencarian dan pembelian skrin komputer yang sesuai dengan komputer riba yang digunakan.
- Membuat persediaan dari segi alatan dan tempat yang sesuai untuk membuat penggantian skrin komputer.
- Pastikan komputer tersebut ditutup suisnya dan tidak bersambung dengan punca bekalan kuasa elektrik atau dicabut kabel penyesuai AC-nya.

- Keluarkan bateri komputer riba yang skrinnya rosak.
- Tanggal skrin komputer riba yang rosak. Sila lihat buku manual atau laman web pengeluar komputer riba berkenaan untuk mengetahui lebih lanjut perkara ini. (Perkara ini juga baik dilakukan sebelum membeli skrin komputer yang baru untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkenaan keserasiannya dengan komputer riba)
- Membuat pemasangan skrin komputer yang baru pada komputer riba tersebut. Pastikan proses membuka dan pemasangan skrin komputer riba dilakukan dengan betul dan berhati-hati untuk mengelakkan daripada sebarang kerosakan. Ketika mencabut dan memasang kabel video antara skrin dengan badan komputer riba, pastikan dibuat dengan baik dan betul juga.